

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2023
 AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 4

Sistem data atasi isu miskin tegar

Sistem data atasi isu miskin tegar



MOHD FAZUL HARNA MAT KHAZI

Masalah kemiskinan tegar di Malaysia mungkin diatasi dengan lebih berkesan jika kerajaan mewujudkan sebuah pangkalan data bersepadu.

Ia boleh berfungsi sebagai rujukan dan diakses oleh semua pihak termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mahupun lembaga zakat negeri.

Kewujudan pangkalan data berkenaan juga akan memudahkan agensi kerajaan memberikan pelbagai bentuk latihan kemahiran dan perniagaan yang mampu menjadi 'batang pancing' untuk mengeluarkan golongan berpendapatan rendah atau B40 dari garisan kemiskinan tegar.

Bagaimanapun ketiadaan sistem pangkalan data bersepadu yang sistematik itu menjadi punca bantuan JKM dan zakat tidak sampai kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan.

"Saya melihat situasi semasa seperti pandemik Covid-19 melanda negara selama lebih dua tahun juga menjadi antara penyebab utama ramai golongan M40 kini jatuh miskin kerana banyak sektor ekonomi dan syarikat terpaksa ditutup.

"Apabila ekonomi dibuka semula pada tahun 2022, golongan cepat pulih ialah orang kaya kerana mereka mempunyai aset yang boleh memberikan



Golongan M40 yang tinggal di Kuala Lumpur dan mempunyai pendapatan isi rumah kira-kira RM4,500 sebulan, boleh dikategorikan sebagai miskin bandar kerana tidak mampu menampung kos sara hidup yang tinggi di ibu kota. (Gambar hiasan)

penghasilan, manakala B40 tidak mampu berbuat demikian susulan sukar mendapat pekerjaan baharu dan tiada aset untuk dicalirkan," kata Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff kepada Sinar Premium.

MajORITY rakyat Malaysia yang tinggal di Kuala Lumpur dan Selangor sekarang termasuk golongan M40, namun berada dalam kategori miskin bandar kerana jumlah perbelanjaan mereka melebihi pendapatan bulanan isi rumah masing-masing.

Justeru, Ahmed Razman berkata, kerajaan perlu mengkaji semula takrifan kadar kemiskinan tegar, kategori B40 dan M40 mengikut kedudukan demografi, bilangan anak dan taraf kesihatan rakyat di negara ini.



AHMED RAZMAN

MUHAMMAD SHAMSHINOR

Ini penting kerana golongan M40 yang tinggal di Kuala Lumpur dan mempunyai pendapatan isi rumah kira-kira RM4,500 sebulan, boleh dikategorikan sebagai miskin bandar kerana tidak mampu menampung kos sara hidup di ibu kota yang mencecah antara RM5,500 dan RM6,500 sebulan.

"Sebab itulah saya melihat golongan M40 di Kuala Lumpur dan Selangor tidak boleh hidup selesa berbanding rakan mereka tinggal di Kelantan dan Kedah," katanya Ahmed Razman.

Budaya harapan bantuan

Pensyarah Kanan, Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik (CITRA), Universiti Malaya, Dr Muhammad ShamsShinor Abdul Aziz berpandangan, antara punca utama kerajaan masih gagal menangani isu kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat di Malaysia adalah faktor sosiobudaya dan pemikiran.

Deдах Muhammad ShamsShinor, ada dalam kalangan masyarakat Malaysia mempunyai budaya mengharap bantuan untuk meneruskan kelangsungan hidup masing-masing.

Bellau berkata, biarpun berpulung keluar daripada kepongong kemiskinan tegar, mereka enggan berusaha menambah pendapatan isi rumah kerana tidak mahu berbuat demikian dan terus mengharap bantuan dihulurkan kerajaan atau swasta serta pertubuhan kebajikan.

Kedadaan itu katanya, menjadi bertambah parah selepas kerajaan memperluaskan takrifan kemiskinan

tegar kepada keluarga berpendapatan isi rumah di bawah RM4,851 sebulan mulai 2022 sekali gus tidak berlaku adil untuk golongan memerlukan bantuan seperti kumpulan T10 atau T20.

Tegasnya, takrifan kemiskinan tegar diguna pakai di Malaysia kini sudah ketinggalan kerana hanya menjadikan pengukur, berbanding definisi diguna pakai negara maju melibatkan aspek yang lebih luas iaitu merangkumi tahap pendidikan, taraf hidup, kesihatan, bilangan anak dan sebagainya.

"Ini kerana ada individu tertentu mempunyai gaji bulanan mencecah RM10,000 namun pendapatan mereka tidak mencukupi kerana mempunyai anak kurang upaya, anak ramai dan sebagainya."

"Ada juga orang dikategorikan sebagai B40 kerana menerima gaji bulanan kurang RM4,000 namun dia hidup tidak terlalu susah kerana tinggal di Kelantan, dan Kedah yang mempunyai kos sara hidup yang rendah berbanding bandar besar seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor Bahru atau Pulau Pinang," katanya.

Penyelewengan dan ketirisan

Muhammad ShamsShinor berkata, antara punca kegagalan program pembasmian kemiskinan tegar diwujudkan kerajaan di seluruh negara adalah kerana penyelewengan dan ketirisan agihan dana disalurkan kerajaan setiap tahun.

"Saya berharap kerajaan akan menunjukkan keseriusan dalam menangani isu ketirisan dan rasuah semakin belukasa di Malaysia sekarang menenisi Bajet 2023 nanti, sekali gus membolehkan kita mempunyai lebih banyak dana untuk membantu golongan memerlukan.

"Satu lagi kerajaan perlu menitikberatkan soal keselamatan makaran dengan menggalakkan golongan belia terutama di luar bandar menjadi petani moden seterusnya membantu keluarga mereka keluar dari garisan kemiskinan tegar," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad ShamsShinor berpendapat bahawa cara terbaik bagi membasmi kemiskinan tegar adalah dengan mewujudkan sistem pangkalan data tunggal yang boleh akses semua pihak.

"Jika kita mahu menghapuskan kemiskinan tegar, kerajaan perlu mewujudkan satu sistem pangkalan data yang mempunyai rekod penerima semua bantuan seperti e-Kasih, penerima bantuan zakat dan NGO secara bulanan.

"Ketiadaan sistem pangkalan data itu menyebabkan berlaku ketidakadilan dalam pengalihan dana kerana ada penerima menerima bantuan terlalu banyak, manakala satu lagi kumpulan tidak menerima langsung bantuan dari agensi lain," kata bellau.

Tegasnya, ia penting bagi membolehkan kerajaan mengetahui secara lebih tepat jumlah sebenar golongan B40 yang patut menerima bantuan kerajaan secara bersasar setiap bulan.

PENGELASAN BAHARU ISI RUMAH

	Kumpulan	Median	Purata	Had Pendapatan
B40	B1	RM1,929	RM1,849	Kurang RM2,500
	B2	RM2,786	RM2,803	RM2,501 - RM3,170
	B3	RM3,556	RM3,561	RM3,171 - RM3,970
	B4	RM4,387	RM4,395	RM3,971 - RM4,850
M40	M1	RM5,336	RM5,346	RM4,851 - RM5,880
	M2	RM6,421	RM6,477	RM5,881 - RM7,100
	M3	RM7,828	RM7,841	RM7,101 - RM8,700
	M4	RM9,695	RM9,730	RM8,701 - RM10,970
T20	T1	RM12,586	RM12,720	RM10,971-RM15,040
	T2	RM19,781	RM24,293	RM15,041 dan lebih

Pengelasan baharu isi rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020.